



“I MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Rujukan Kami : KP(BKEW/BT)1920/1 Jld. 6 ( /0 )

Tarikh : 23 April 2013

Seperti Senarai Edaran.

Tuan,

**TARIKH BAGI PROSES PERMOHONAN BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN (BKP) DAN BIASISWA KELAS PERSEDIAAN UNIVERSITI (BKPU) SECARA ATAS TALIAN “ONLINE”.**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh bagi proses permohonan untuk murid yang layak memohon BKP / BKPU akan dibuka secara atas talian “online” pada **29 April 2012 hingga 19 Mei 2013**.

3. Proses permohonan BKP dan BKPU secara atas talian yang baru akan dibuka mengikut zon seperti berikut :

- i) **Zon 1** melibatkan negeri Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Kelantan dan Terengganu akan dibuka pada **29 April hingga 5 Mei 2013**.
- ii) **Zon 2** melibatkan negeri Selangor, Johor, Pahang, Melaka, WP Kuala Lumpur dan Sekolah Berasrama Penuh akan dibuka **6 hingga 12 Mei 2013**.
- iii) **Zon 3** melibatkan negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan akan dibuka pada **13 hingga 19 Mei 2013**.

3. Oleh yang demikian, pihak tuan adalah dipohon supaya dapat memaklumkan kepada semua sekolah di bawah seliaan pihak tuan supaya proses permohonan dapat dilakukan pada tempoh yang telah ditetapkan. Proses permohonan di atas talian boleh dilakukan pada laman sesawang <http://biasiswa.sekolahmalaysia.com>.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS”

Saya yang menurut perintah,

(HAZHAR BIN MUHAMAD HANIP)  
Bahagian Kewangan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

No. Tel : 03-88847465

No. Fax : 03-88847611

Email : [hazhar.mhanip@moe.gov.my](mailto:hazhar.mhanip@moe.gov.my)

(Sila catatkan rujukan Kementerian ini bila berhubung)